

BAHAN KECEMERLANGAN 2016

PT3

Skema

BK 5

BAHASA MELAYU

DIBIYAI OLEH KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

SKEMA BK 5 PT3 2016

KRITERIA PENSKORAN

Soalan 1.a

Kesalahan bahasa

- | | | | |
|-----------------------------|---|-------------------------------|------------|
| i. terbanyak sekali | - | banyaksekali/terbanyak | [2 markah] |
| ii. paling tinggi sekali | - | paling tinggi/tinggi sekali | [2 markah] |
| iii. sangat gilang-gemilang | - | sangat gilang/gilang-gemilang | [2 markah] |
| iv. tulang ringan | - | ringan tulang | [2 markah] |

Soalan 1.b

Kesalahan bahasa

- | | | | |
|---------------------|---|----------------------|------------|
| i. Sepandai dengan | - | sepandai/sama pandai | [2 markah] |
| ii. kebarat-baratan | - | Barat | [2 markah] |
| iii. mulut banyak | - | banyak mulut | [2 markah] |
| iv. cintakan | - | cinta akan | [2 markah] |

Soalan 2

Jawapan :

- | | | |
|------------------|---|----------------|
| i. bercampuraduk | - | bercampur aduk |
| ii. caci mencaci | - | caci-mencaci |
| iii. di pasaraya | - | di pasar raya |
| iv. keluar | - | ke luar |
| v. mengesahkan | - | mengisahkan |
| vi. kau terima | - | kauterima |
| vii. calet | - | chalet |
| viii. dasyhat | - | dahsyat |
| ix. komisyen | - | komisen |
| x. korum | - | kuorum |

Soalan 3

- Saya baca buku itu pada minggu lepas / Pada minggu lepas saya baca buku itu
- Oleh sebab pengeluarannya semakin menurun dari masa ke masa harga minyak mentah dunia semakin meningkat / Semakin meningkat harga minyak mentah dunia oleh sebab pengeluarannya semakin menurun dari masa ke masa
- Tetap meneruskan pendakian Gunung Everest pendaki itu walaupun dia berhadapan dengan pelbagai halangan. / Walaupun dia berhadapan dengan pelbagai halangan. pendaki itu tetap meneruskan pendakian Gunung Everest
- Pada minggu depan EncikAsmawi akan menghadiri kursus kejurulatihan bola sepak / Akan menghadiri kursus kejurulatihan bola sepak Encik Asmawi pada minggu depan.
- Surat khabar diletakkan di atas meja oleh ayah.

Soalan 4

Peribahasa

2 markah	- Peribahasa yang tepat mengikut gambar.
1 markah	- Peribahasa yang hampir tepat dengan maksud - Penggunaan istilah / kata yang kurang tepat tetapi tidak menjejaskan maksud

0 markah	<ul style="list-style-type: none"> - Peribahasa yang tidak tepat berdasarkan gambar. - Penggunaan perkataan yang menjejaskan maksud peribahasa. - Peribahasa yang tidak lengkap.
----------	---

- i. Melentur buluh, biar dari rebungnya [2 markah]
- ii. Bagaimana acuan begitulah kuihnya [2 markah]
- iii. Kemana tumpahnya kuah, kalau tidak ke nasi? [2 markah]
- iv. Hendak seribu daya tak hendak seribu dalih [2 markah]

** calon mesti mengemukakan **dua** daripada peribahasa yang disenaraikan. [4markah]

Bahagian B:-

Soalan 5 - Pemahaman Prosa

MARKAH	KRITERIA
3 markah	- Isi dinyatakan dengan cukup serta lengkap dan ayat gramatis
2 markah	- Isi cukup tetapi ayat kurang gramatis - Isi tidak cukup tetapi ayat gramatis
1 markah	- Isi tidak cukup dan ayat kurang gramatis
0 markah	- Isi tidak tepat tetapi ayat gramatis. - Isi tidak tepat dan ayat tidak gramatis.

Soalan 5

- i) Kedua-dua belah pihak bertarung [3 markah]

- mengikut taraf masing-masing
- raja lawan raja
- menteri lawan menteri
- hulubalang lawan rakyat

** calon mesti mengemukakan **dua** isi yang disenaraikan

- ii) Pengajaran daripada petikan Hikayat Marakarma [3 markah]

- kita hendaklah berani menentang musuh
- kita mestilah taat kepada perintah ibu bapa
- kita haruslah bekerjasama dalam melaksanakan sesuatu tugas

** calon mesti mengemukakan **dua** daripada isi yang disenaraikan

MARKAH	KRITERIA
4 markah	- Isi cukup dan relevan mengikut tugas serta ayat gramatis.
3 markah	- Isi cukup dan relevan mengikut tugas tetapi ayat kurang gramatis.
2 markah	- Isi tidak cukup tetapi relevan mengikut tugas dan ayat gramatis.
1 markah	- Isi tidak cukup tetapi relevan mengikut tugas dan ayat kurang gramatis.
0 markah	- Isi tidak tepat tetapi ayat gramatis - Isi tidak tepat dan ayat tidak gramatis.

- iii) Cara menyelesaikan persengketaan tanpa pertumpahan darah [4 markah]

- berunding dalam menyelesaikan konflik/masalah
- menjalin hubungan silaturahmi yang erat
- tindakan orang ketiga untuk mengatur pertemuan damai

** terima mana-mana **dua** jawapan yang relevan

Soalan 6 - Pemahaman Sajak Rumpit:-

MARKAH	KRITERIA
3 markah	- Isi dinyatakan dengan cukup serta lengkap dan ayat gramatis
2 markah	- Isi cukup tetapi ayat kurang gramatis - Isi tidak cukup tetapi ayat gramatis
1 markah	- Isi tidak cukup dan ayat kurang gramatis
0 markah	- Isi tidak tepat tetapi ayat gramatis. - Isi tidak tepat dan ayat tidak gramatis.

- i) Nasib yang digambarkan berlaku kepada orang miskin melalui perumpamaan rumpit:
- Mudah ditindas oleh orang lain
 - mudah dihina oleh orang lain
 - diperkecil oleh orang lain

** calon mesti mengemukakan **dua** daripada isi yang disenaraikan

- ii) Dua persoalan yang diketengahkan oleh penyajak melalui sajak tersebut:
- Sikap hormat menghormati sesama insan walaupun terhadap golongan yang kurang berkemampuan
 - Cabaran dalam kehidupan
 - Penghargaan kepada orang lain
 - Penindasan terhadap golongan yang bertaraf rendah

** calon mesti mengemukakan **dua** daripada isi yang disenaraikan

MARKAH	KRITERIA
4 markah	- Isi cukup dan relevan mengikut tugas serta ayat gramatis.
3 markah	- Isi cukup dan relevan mengikut tugas tetapi ayat kurang gramatis.
2 markah	- Isi tidak cukup tetapi relevan mengikut tugas dan ayat gramatis.
1 markah	- Isi tidak cukup tetapi relevan mengikut tugas dan ayat kurang gramatis.
0 markah	- Isi tidak tepat tetapi ayat gramatis - Isi tidak tepat dan ayat tidak gramatis.

- iii) Kita dingatkan supaya tidak berserah kepada nasib sahaja kerana:
- Kita perlu berusaha
 - Kita tidak mudah berputus asa
 - Bersikap positif untuk berjaya dalam hidup
 - Sentiasa berdikari tanpa mengharapkan bantuan daripada orang lain

** terima mana-mana **dua** jawapan yang relevan

Soalan 7 - Novel
Pembahagian Markah

PERINCIAN	MARKAH
Isi	6 markah
Bahasa	4 markah

Nilai pengorbanan

- Hal ini dapat dilihat pada watak Puan Delia yang sanggup berkorban demi memegang amanah terhadap tugasnya yang berisiko tinggi walaupun terpaksa disalahkan oleh keluarga dan masyarakat sekeliling.
- Hal ini dapat dilihat pada watak nenek Aim yang sanggup berkorban. Dia sanggup berkorban menjaga Aim yang telah kematian ayah dengan menyara kehidupan mereka dengan menjual buah-buahan di pasar.
- Hal ini dapat dilihat pada watak Sukma. Beliau sanggup berkorban masa dan tenaga semata-mata untuk menyiasat aktiviti kelab WX2 walaupun nyawanya turut terancam.

Kriteria Markah Bahasa

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	4 markah	<ul style="list-style-type: none"> Bahasa baik dan lancar Ayat gramatis Ejaan dan tanda baca yang betul
Baik	2 – 3 markah	<ul style="list-style-type: none"> Bahasa masih baik dan masih lancar Penggunaan ayat masih gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum Kesalahan ejaan dan tanda baca yang minimum
Memuaskan	1 markah	<ul style="list-style-type: none"> Bahasa tidak cekap Ayat tidak gramatis Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara

Markah Isi

- Maksimum : 3 isi
- Bukti yang relevan dan contoh peristiwa yang sesuai : 2 markah
- Bukti yang relevan tanpa contoh peristiwa yang sesuai : 1 markah

Bahagian C:- (Ringkasan 15 markah)

Cadangan pemeriksaan

- Perkara yang perlu diberikan perhatian semasa membaca jawapan calon.
 - Bahasa dinilai secara tanggapan (**impression**).
 - Pemeriksa dikehendaki menandakan kesalahan bahasa sebagaimana penandaan karangan tetapi tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan.
 - Peringkatkan markah calon berdasarkan kriteria di bawah.

Markah Bahasa (5 markah)

Peringkat	Markah	Deskripsi
Cemerlang	04-05	<ul style="list-style-type: none"> Bahasa baik dan lancar. Berupaya menggunakan ayat sendiri Pemilihan kata yang tepat dan ayat yang gramatis Penanda wacana yang sesuai Ejaan dan tanda baca betul

Baik	02– 03	<ul style="list-style-type: none"> • Bahasa masih baik dan masih lancar. • Masih berupaya menggunakan ayat sendiri • Pemilihan kata agak terhad dan ayat yang masih gramatis • Penanda wacana masih sesuai • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang minimum
Memuaskan	00 – 01	<ul style="list-style-type: none"> • Bahasa kurang lancar. • Terdapat kesalahan yang ketara dalam ayat, ejaan dan tanda baca ATAU • Menyalin ayat daripada petikan asal secara terpilih.

Markah Isi (10 markah)

Bilangan Isi	Markah
5	9 – 10
4	7 – 8
3	5 – 6
2	3 – 4
1	1 – 2

Cadangan jawapan:

Soalan 8

Calon dikehendaki menyenaraikan lima isi penting

Isi-isi Cadangan

- Ibu bapa perlu melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan keibubapaan
 - Ibu bapa seharusnya memberikan kasih sayang yang secukupnya kepada ahli keluarga.
 - Hubungan keluarga yang erat juga dapat dilahirkan melalui penyertaan aktiviti rekreasi secara bersama-sama.
 - Ibu bapa perlu memberikan didikan agama yang kukuh kepada anak-anak.
 - Penerapan nilai-nilai murni mengenai hubungan kekeluargaan dalam jiwa anak-anak muda haruslah disemai sejak kecil lagi.
 - Setiap anggota keluarga juga haruslah menghindari emosi negative
 - Gunakan waktu bersama-sama keluarga untuk menyampaikan nilai-nilai positif dan membangun sebagai usaha mengeratkan hubungan kekeluargaan.
- ** Terima mana-mana isi tersirat yang bersesuaian.

Bahagian D - Karangan

Soalan 9

PERINGKAT	MARKAH
Cemerlang	25 -30
Kepujian	19 -24
Baik	13 -18
Memuaskan	07 – 12
Penguasaan Minimum	01 - 06

Kriteria Menilai Kemahiran Menulis

KRITERIA	DESKRIPSI
BAHASA	- Kegramatisan : Kata (Morfologi) : Ayat (Sintaksis)

	<ul style="list-style-type: none"> - Ejaan dan tanda baca - Kosa kata
IDEA	<ul style="list-style-type: none"> - Isi-isi - Huraian isi - Contoh
PENGOLAHAN	<ul style="list-style-type: none"> - Pengolahan - Pemerenggan - Format - Unsur keindahan bahasa / ungkapan menarik

Kriteria Penskoran

PERINGKAT	MARKAH	DESKRIPSI
Cemerlang	25 - 30	<p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> - Idea relevan dengan tugas - Huraian idea jelas, menarik dan matang - Contoh yang sesuai <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan ayat bervariasi dan gramatis - Penggunaan kosa kata luas dan tepat - Tanda baca betul - Kesalahan bahasa minimum <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pengolahan menarik, berkesan dan matang dengan pemerenggan yang sesuai - Format menepati kehendak tugas - Penggunaan penanda wacana tepat - Penggunaan ungkapan menarik tepat dan berkesan seperti peribahasa / pantun / cogan kata / frasa yang menarik
Kepujian	19 - 24	<p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> - Idea relevan dengan tugas - Huraian idea jelas dan menarik - Contoh yang sesuai <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan ayat bervariasi dan gramatis - Penggunaan kosa kata luas - Tanda baca yang betul - Kesalahan bahasa masih minimum <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pengolahan menarik dan berkesan dengan pemerenggan yang sesuai - Format menepati kehendak tugas - Penggunaan penanda wacana sesuai - Penggunaan ungkapan menarik <i>sesuai</i> dan berkesan seperti peribahasa / pantun / cogan kata / frasa yang menarik.
Baik	13 - 18	<p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> - Idea masih relevan dengan tugas - Huraian idea masih jelas dan masih menarik - Contoh yang masih sesuai <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan ayat masih bervariasi dan masih gramatis - Penggunaan kosa kata masih luas - Tanda baca masih betul - Kesalahan bahasa masih minimum

		<p>Pengolahan Pengolahan masih menarik, dan masih berkesan dengan pemerenggan yang masih sesuai</p> <ul style="list-style-type: none"> - Format masih menepati kehendak tugas - Penggunaan penanda wacana masih sesuai
Memuaskan	07 - 12	<p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> - Idea kurang relevan dengan tugas - Huraian idea kurang jelas dan kurang menarik - Tiada contoh atau contoh kurang sesuai <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan ayat kurang bervariasi dan kurang gramatis - Penggunaan kosa kata terhad - kesalahan bahasa ketara <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pengolahan kurang menarik, kurang berkesan dan pemerenggan yang kurang sesuai - format kurang menepati kehendak tugas - Penggunaan penanda wacana kurang sesuai
Penguasaan Minimum	01 - 06	<ul style="list-style-type: none"> - Keseluruhan jawapan calon menggambarkan penguasaan kemahiran menulis yang lemah - Tidak menjawab tugas atau karangan tidak menepati kehendak soalan / terpesong.

Langkah-langkah memeriksa

1. Periksa hendaklah membaca karangan itu sekali lalu terlebih dahulu untuk mendapatkan kesan (*impression*) daripadanya. Perkara yang perlu diperhatikan semasa membuat pertimbangan ialah menjawab tugas soalan, Bahasa, kerelevanan idea dan pengolahan. Kemudian, nilaikan dan tetapkan karangan berkenaan mengikut kriteria penskoran yang disediakan.
2. Baca karangan itu sekali lagi dengan teliti untuk membuat pertimbangan yang muktamad. Ketika membaca, tandakan kesalahan-kesalahan Bahasa, tanda baca, ejaan dan isi / fakta seperti berikut:

—	Kesalahan bahasa, perkataan dan frasa
/	Kesalahan ejaan
//	Kesalahan ejaan yang berulang
○	Kesalahan tanda baca
[]	Kesalahan isi / fakta

3. Pemotongan markah untuk ejaan yang salah.
 - a. ½ markah dipotong bagi ejaan yang salah.
 - b. pemotongan keseluruhan tidak lebih daripada 2 markah.
 - c. kesalahan ejaan yang berulang tidak diambil kira.

d. ejaan hendaklah mengikut sistem ejaan Rumi Baharu Bahasa Melayu.

SOALAN 1

Anda telah mewakili sekolah anda dalam satu pertandingan syarahan yang bertajuk 'Cintailah sungai kita'

Sediakan teks syarahan anda selengkapnya.

PENDAHULUAN

- Kata alu-aluan – para hakim, penjaga masa dan hadirin
- Memperkenalkan diri
- Ucapan terima kasih kerana diberi peluang untuk menyampaikan ucapan
- Menyatakan tajuk syarahan

ISI 1

Kepentingan sungai

- Membekalkan sumber air dan protein
- Air minuman penduduk
- Jika tercemar- sungai perlu dibersihkan melalui proses yang merumitkan – belanja besar
- Habitat hidupan akuatik
- Tanpa sungai – hilang sumber protein
- Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tiada gunanya
- Medium pengangkutan dan perhubungan

ISI 2

Punca pencemaran sungai

- Pembuangan sampah sarap
- Menganggap sungai sebagai tong sampah yang besar
- Sikap pentingkan diri – malas membuang sampah ke dalam tong sampah
- Pembuangan sisa toksik daripada kilang ke dalamsungai
- Akan mencemarkan sungai dengan menurunkan pH air
- Jika air tercemar- menjejaskan kesihatan – menyebabkan kematian

ISI 3

Cara Menjaga Sungai

- 'Kempen Cintai Sungai Kita' – diuar-uarkan melalui media massa dan media elektronik
- Ceramah dan pengedaran risalah – beri kesedaran kepada masyarakat
- Aktiviti gotong-royong membersihkan sungai
- Boleh dijalan secara berkala – ke bukit sama di daki ke luruh sama dituruni
- Penguatkuasaan undang-undang- Kementerian Alam Sekitar perlu membuat pemeriksaan secara mengejut kepada penduduk berhampiran sungai
- Denda dan saman kepada pesalah.

PENUTUP

- Sarankan masyarakat agar cintaakan sungai.
- Penutup syarahan.

SOALAN 2:-

Kegiatan pembalakan haram di Negara kita semakin serius.

Huraikan kesan-kesan negatif pembalakan haram terhadap alam sekitar.

PENDAHULUAN

- Hutan khazanah dunia yang amat bernilai
- Membekalkan sumber kayu kayan dan ubatan
- Sayang hutan kini hutan menghadapi ancaman
- Dilakukan oleh pihak-pihak yang tamak dan hanya mementingkan kekayaan semata-mata
- Memberikan kesan negatif kepada alam sekitar

ISI 1

- Menyumbang kepada bencana alam
- Permukaan bumi gondola dan terdedah kepada hakisan
- Tanah terhakis akan mendap ke dalam sungai – menjadikan sungai semakin cetek
- Apabila hujan lebat – tidak mampu menampung air – banjir
- Kesannya memusnahkan kediaman berhampiran – meragut nyawa

ISI 2

- Kemusnahan habitat flora dan fauna
- Hutan tempat tinggal semulajadi bagi pelbagai jenis tumbuhan dan hidupan liar
- Kemusnahan hutan – musnahnya tempat tinggal hidupan
- Jika tiada tindakan diambil – perkara yang lebih teruk lagi akan berlaku
- Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tiada berguna
- Jangan sampai generasi akan datang tidak mengenal lagi sepsis hidupan liar yang ada di negara kita

ISI 3

- Mengakibatkan peningkatan suhu dunia
- Aktiviti pembalakan – meningkatkan kandungan gas karbon dioksida dalam udara
- Kesannya – mampu memerangkap haba di atmosfera daripada dipantulkan semula
- Fenomena ini akan meningkat suhu
- Turut mengakibatkan kesan rumah hijau dan perubahan suhu setempat
- Mampukah kita hidup selesa dalam keadaan panas?
- Hargailah anugerah Tuhan

PENUTUP

- Harus bekerjasama bagi membendung kegiatan tidak bermoral ini
- Pihak kerajaan harus mengambil tindakan yang tegas terhadap pesalah
- Orang awam perlu melaporkan kegiatan ini kepada pihak berkuasa
- Bagai aur dengan tebing

SOALAN 3:-

Alam sekitar yang bersih penting dalam kehidupan kita.

Bincangkan langkah-langkah yang patut kita lakukan untuk menjaga kebersihan alam sekitar

PENDAHULUAN

- Alam sekitar adalah sesuatu yang penting dalam kehidupan manusia
- Alam sekitar ini termasuklah kawasan-kawasan tumbuhan hijau, udara dan air seperti sungai dan laut
- Kini semakin tercemar – terdapat pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab telah melakukan pencemaran
- Seharusnya dijaga – bukan hanya digunakan pada masa sekarang tetapi akan digunakan sehingga beratus-ratus tahun lagi
- Kembalikan kesegaran alam sekitar- langkah menjaga alam sekitar perlulah diambil.

ISI 1

- Mengurangkan penggunaan bahan kimia

- Bahan kimia akan mendatangkan pencemaran
- Mendatangkan impak dalam jangka masa yang panjang kepada alam sekitar.
- Contoh, penggunaan racun serangga dan pendingin hawa membawa kesan yang paling ketara dan serius kepada alam sekitar –perlu dihadkan penggunaannya.
- Penggunaan bahan ini perlu dikawal oleh kerajaan dan pihak swasta –dapat menjaga alam sekitar yang dianugerahkan oleh Tuhan.

ISI 2

- Kerajaan perlu menguatkuasakan undang-undang yang lebih tegas berkaitan aspek penjagaan kebersihan persekitaran
- Adakah kilang-kilang mematuhi piawaian kebersihan yang ditetapkan
- Denda yang maksimum atau hukuman sebatan patut dikenakan keatas pesalah
- Kesannya – dapat mengawal pelepasan asap kilang dan pembuang sisa toksik ke dalam sungai mahupun ke dalam laut secara terbuka
- Sikap yang bagai enau di dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing akan dapat di banteras dengan lebih efektif.

ISI 3

- program kitar semula yang diuar-uarkan oleh kerajaan perlu diambil perhatian
- mampu mempertingkatkan kesedaran terhadap penjagaan alam sekitar.
- Bahan-bahan buangan boleh diproses mula untuk digunakan sekali lagi
- Klasifikasikan bahan-bahan yang tidak diperlukan ke dalam tong-tong kitar semula yang telah disediakan
- Kesan – kawasan persekitaran tidak akan dibanjiri dengan bahan buangan yang akan mencemarkan alam sekitar.

KESIMPULAN

- Kita harus bekerjasama dan memainkan peranan sewajarnya
- Tidak sepatutnya berpeluk tubuh meletakkan masalah ini di atas bahu kerajaan dengan sewenang-wenangnya
- Kerjasama bagai aur dengan tebing